

Laksana pelbagai inisiatif lindungi hak pengguna

Dari Mula Sepatuh

Langkah berlaku permintaan ting-

g. Ternyata, strategi ini membuahkan hasil. Sepanjang skim ini dilaksanakan, pematuhan ke-putusan skim adalah sangat baik. Sebanyak 60,878 premis perniagaan dipantau oleh Bahagian Penguatkuasa ketika Aidilfitri dan hanya 382 premis dikesan melanggar kesalah, dengan 13 kes sahaja melebihi harga maksimum. 307 kes tidak pamer tanda harga khas dan 42 kes tidak memamerkan tanda harga.

Berdasarkan laporan, selain kadar penatutan tinggi terhadap harga maksimum ditetapkan di bawah SHMNP, banyak premis perniagaan juga menjual barangan keperluan pada harga lebih murah. Saya gembira mendapat makluman bahawa penambahbaikan skim kawalan harga ini mendapat sambutan positif terutamanya di media sosial.

Saya cukup lega mendengar ko-

men yang sebegitu baik itu yang memberikan isyarat bahawa keputusan yang dicapai itu adalah tepat dengan kehendak dan keadaan semasa rakyat.

Antara laporan yang sering saya terima sejak berada di KPDNHEP adalah aspek penguatkuasaan berkenaan mengawal selia harga dan bekalan barang kawalan, membantulas ketirisan barang bersubsidi, melindungi harta intelek dan menangani isu ke-penggunaan.

Saya percaya aspek pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang akan terus memainkan peranan penting dalam melindungi hak pengguna. Keberadaan sentiasa pegawai penguatkuasaan di lapangan bermaksud KPDNHEP akan ada sentiasa ada 'mata' dan 'telinga' yang memerhati sekali gus menghantar isyarat jelas kepada peniaga untuk terus beretika dalam berniaga.

Setakat ini, Bahagian Penguatkuasa sudah memeriksa 799,796 premis dan daripada pemeriksaan

itu, sebanyak 13,661 kertas siasatan dibuka di bawah pelbagai akta dengan nilai rampasan sekitar RM55 juta. Daripada kesemua kes itu, sejumlah RM 10,983 dikenakan kompaun dan denda dengan nilai dianggarkan sebanyak RM7.6 juta.

Ketika KPDNHEP berhadapan

Saya juga akan terus berani

mencuba pendekatan baharu dan tidak terikat dengan cara lama supaya kita boleh bergerak ke hadapan membawa dasar-dasar Kementerian yang lebih progresif dan dilihat berimpak tinggi kepada rakyat.

dengan isu kenaikan harga telur, Bahagian Penguatkuasa terus mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada. Pada Mac tahun ini, Bahagian Penguatkuasa menyita 10,000 telur ayam di Melaka membabitkan kesalahan pencatutan bawah Akta Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011. Kes sitaan ini adalah yang pertama untuk 2019 hasil daripada siasatan dan pemantauan berterusan pasukan penguatkuasa.

Komitmen saya jelas yakni saya akan terbuka menerima idea-idea baharu untuk terus memantapkan aspek penguatkuasaan sama ada memperkemas latihan dan operasi, menggunakan teknologi terkini dan termasuklah merombak atau merangka undang-undang penguatkuasaan yang lebih berkesan.

Saya percaya kerajaan baharu ini dipilih oleh rakyat supaya perubahan positif berlaku dalam kehidupan mereka. Maka, pendekatan

tan saya dalam mendepani cabaran di Kementerian juga akan tampil lebih kreatif dan berani. Saya akan menjadi kreatif dari segi meneroka idea baru yang tidak pernah dilaksanakan selagi mana dilihat praktikal dan menghasilkan impak positif.

Saya juga akan terus berani mencuba pendekatan baharu dan tidak terikat dengan cara lama supaya kita boleh bergerak ke hadapan membawa dasar-dasar Kementerian yang lebih progresif dan dilihat berimpak tinggi kepada rakyat.

Saya percaya rakyat akan mengaharai setiap usaha daripada kerajaan untuk membantu kehidupan mereka menjadi lebih baik daripada semalam. Sama ada usaha itu kecil atau besar bukanlah ukuran sebaliknya kelikhlasan dan kesungguhan itu yang akan dinilai oleh rakyat.

Insyallah, saya akan kongsi kan lebih banyak inisiatif KPDNHEP dalam penulisan akan datang.